

10/03/1997

Pemuda BN bincang sekretariat

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) akan membincangkan mengenai penubuhan sekretariat tetap Pemuda BN, Selasa ini.

Pengerusi Majlis Perpaduan dan Intergrasi Nasional Pergerakan Pemuda Umno, Zulkifli Alwi, berkata ini adalah julung kali sekretariat seumpama itu ditubuhkan atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN.

Katanya, dengan adanya sekretariat itu semua tindakan dan pendirian pergerakan Pemuda daripada 14 komponen BN dapat diselaraskan.

"Seramai 45 pemimpin kanan Pemuda BN akan menghadiri mesyuarat penubuhan sekretariat itu yang akan dipengerusikan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, di ibu pejabat Pemuda Umno, Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Mesyuarat Selasa ini juga akan membincangkan penubuhan Jawatankuasa Pergerakan Pemuda BN dan anggota yang akan dilantik akan diumumkan oleh Ahmad Zahid selepas mesyuarat itu.

(END)